



ADNAN Yaakob (tengah) menyampaikan Anugerah Cendekia Bitara dalam kategori personaliti kepada Abdul Syukur Abd. Razak (kiri) sambil diperhatikan oleh Daing Nasir Ibrahim di Kuantan, Pahang, kelmarin. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

UMP jadi rujukan ahli akademik seluruh dunia

KUANTAN 6 Mei - Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih pelbagai pencapaian luar biasa termasuk merangkul 36 pingat emas, 25 perak, 12 gangsa dan tujuh anugerah khas pada pameran di dalam serta luar negara sepanjang penubuhan universiti itu sejak 12 tahun lalu.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sebanyak 340 penerbitan ilmiah juga dihasilkan oleh tenaga pengajar UMP sepanjang tahun lalu sehingga menjadi rujukan ahli akademik dari seluruh dunia.

Menurutnya, hasil penerbitan ilmiah merangkumi penghasilan karya asli, monograf, artikel jurnal dan kertas persidangan oleh pensyarah bukan saja dipetik atau dirujuk oleh ahli akademik tetapi turut diindeks oleh pangkalan data terkenal seluruh dunia iaitu SCOPUS dan Elsevier Bibliographic Database (EBD).

"Bidang kajian dijalankan iaitu dye-sensitized solar cell dan electro-spinning meraih tempat pertama di negara ini daripada aspek jumlah

petikan atau dipetik untuk dijadikan rujukan sekali gus mengatasi universiti penyelidikan lain," katanya ketika berucap dalam Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2013, di sini semalam.

Majlis tersebut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmeiy Mohd. Taib dan Ahli Lembaga Pengarah UMP, Datuk Aminar Rashid Salleh.

Seramai 14 penyelidik dan 23 penerima bagi kategori penerbitan jurnal yang merangkumi enam kategori menerima anugerah masing-masing.

Dalam perkembangan berkaitan, Daing Nasir berkata, sebanyak 196 permohonan paten difailkan UMP di dalam negara sementara 10 lagi dipatenkan di luar negara dengan sembilan daripadanya sudah memperoleh geran paten manakala dua lagi sudah didaftarkan di Amerika Syarikat (AS).

"Selain mendaftarkan paten setiap produk dihasilkan, UMP turut melindungi harta intelek lain

iaitu 29 hak cipta, 14 cap dagangan dan dua reka bentuk industri.

"Universiti ini akan terus mara ke hadapan dengan menjadikan Pahang sebagai Pusat Bioaromatik melalui pembangunan Taman Bioaromatik Pahang di atas tanah seluas 72 hektar di Kampung Sereng-kam, Luit, Maran," katanya.

Katanya, projek itu akan dilaksanakan secara usahasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Perbadanan Bioteknologi manakala tiga syarikat antarabangsa dari Switzerland sudah menyatakan komitmen melabur di pusat tersebut.

Dalam pada itu, Adnan berkata, pencapaian universiti itu bukan sahaja membanggakan negeri ini, malah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Beliau juga turut mengumumkan kerajaan negeri akan memberikan insentif RM1,000 kepada semua penerima anugerah berkenaan sebagai tanda penghargaan.